

1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Ogos
2012
2 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2012**

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D serta soalan mengisi tempat kosong. Jawab semua soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Soalan 1 dan Soalan 2 wajib dijawab dan pilih mana-mana satu soalan berikutnya. Kesemua tiga soalan wajib dijawab. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Ceraikan jawapan Bahagian A dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

Disediakan oleh:
Guru AKRAM Terengganu

Dengan kerjasama
MPSM Negeri Terengganu

Dibiayai oleh:
Kerajaan Negeri Terengganu

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak Oleh:

*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

**BAHAGIAN A
(40 MARKAH)****Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D.

Hitamkan jawapan yang tepat dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.

- Hukumnya wajib sekali seumur hidup kepada mereka yang berkemampuan.
- Boleh dilakukan pada bila-bila masa sepanjang tahun.

1 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A haji
- B umrah
- C haji qiran
- D haji tamattuk

- Menggunakan nikmat ke jalan maksiat.
- Menyatakan solat fardhu merugikan masa.

2 Pernyataan di atas merujuk kepada contoh

- A sihir
- B syirik
- C kufur
- D khurafat

3 Berikut ialah rukun syarikat **kecuali**

- A modal
- B lafaz akad
- C ahli syarikat
- D lokasi syarikat

4 Antara berikut yang manakah **bukan** syarat penjual dan pembeli?

- A Mukallaf
- B Golongan hamba
- C Kemahuan sendiri
- D Bukan golongan muflis

5 Antara berikut yang manakah syarat bagi bayaran sewaan?

- A Diketahui kadar dan jangka masa.
- B Keadaan kedua-duanya tidak membazir.
- C Barang yang disewa hendaklah bermanfaat.
- D Kedua-dua pihak mengetahui kadar, jenis dan sifat.

6 Adab bernegara yang dituntut oleh Islam ialah

- A cinta kepada negara
- B berbakti kepada agama
- C memelihara alam sekitar
- D menjaga nama baik pemimpin

- Negara bertambah maju
- Nama negara harum di mata dunia

7 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Ciri-ciri adab bernegara
- B cara beradab dengan negara
- C sebab beradab dengan negara
- D faedah menjaga adab bernegara

8 Berikut adalah tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak dari aspek fizikal **kecuali**

- A kesihatan
- B kebersihan
- C pendidikan
- D makan minum

9 Hukum asal talak dalam Islam ialah

- A sunat
- B harus
- C wajib
- D makuh

10 Berikut adalah hak-hak isteri semasa idah talak raji **kecuali**

- A giliran malam
- B tempat tinggal
- C harta perwarisan
- D rawatan perubatan

11 Berikut ialah hikmah perbezaan tempoh idah **kecuali**

- A memastikan isteri tidak hamil dengan bekas suaminya
- B menunjukkan keakraban hubungan kekeluargaan dalam Islam
- C menunjukkan tanda perkabong dan kesedihan atas kematian suami
- D memberi peluang kepada isteri menumpukan perhatian kepada penjagaan kesihatan


- Suami merasa tercabar dan mudah hilang pertimbangan.
- Anak-anak hilang penghormatan terhadap ibu bapa.

12 Pernyataan di atas merujuk kepada kesan

- A lian
- B talak
- C zihar
- D nusyuz


13. Pilih pernyataan yang benar mengenai khurafat

- A mempercayai perkara-perkara karut
- B menggunakan bantuan makhluk halus
- C menyekutukan Allah SWT dengan makhluk
- D menolak ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah saw



14. P ialah

- A merdeka
- B perempuan
- C bukan mahram
- D berakhlak mulia



15. Q dalam rajah di atas merujuk kepada sebab yang mengharuskan

- A talak
- B fasakh
- C nusyuz
- D khuluk

- Menceritakan keburukan seseorang di masa ketiadaannya
- Boleh menimbulkan kemarahan apabila dilakukan di hadapannya

16. Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A mengumpat
- B menfitnah
- C menghina
- D menipu


- Mempunyai ilmu pengetahuan tentang Allah dan rasul-Nya
- Melakukan ibadat sunat secara istiqamah.

17 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A maksud iman
- B mengekalkan iman
- C menambahkan iman
- D mencapai kemanisan iman

18 Antara berikut yang manakah bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah?

- I Kesalahan yang dikenakan 40 sebatan
 - II Kesalahan yang dikenakan denda kurang dari RM5,000.00
 - III Kesalahan yang dikenakan hukuman penjara melebihi 3 tahun
 - IV Kesalahan yang dikenakan hukuman kurang dari 6 rotan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV



19 R ialah

- A kestabilan politik dan pentadbiran
- B pembukaan wilayah-wilayah baru
- C pemimpin yang berkaliber
- D hubungan diplomatik

- Ekonomi negara berada di tahap yang paling tinggi
- Kewangan negara melebihi keperluan

20 Pernyataan di atas adalah contoh kegemilangan tamadun Islam pada zaman khalifah

- A Umar bin Abdul Aziz
- B Marwan bin al-Hakam
- C Marwan bin Muhammad
- D Muawiyah bin Abi Sufian

Soalan 21 hingga Soalan 23

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.


Muhson	Membunuh Diri	Munafik	Ghairul Muhson
--------	---------------	---------	----------------

- 21 Berpura - pura melahirkan keimanan sedangkan hati tetap kufur kepada Allah SWT merujuk kepada pengertian
- 22 Orang yang telah berkahwin melakukan zina diistilahkan sebagai
- 23 Melakukan perbuatan yang boleh memisahkan roh daripada jasad sendiri merujuk kepada

Soalan 24 hingga Soalan 40


Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 24 Mengikut hukum syarak, seseorang yang telah meminum arak dengan kerelaan sendiri akan dihukum
- 25 Mazhab beriktikad bahawa iman seseorang boleh bertambah dan boleh berkurang.
- 26 ialah amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya bercanggah dengan al-quran dan al-sunnah
- 27 ialah mencegah atau menghalang daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh syarak.
- 28 Jihad melawan orang kafir harbi boleh dilakukan dengan hati, lidah, nyawa dan
- 29 Antara adab menjaga orang sakit dari aspek ialah sabar mendengar rungutan pesakit.
- 30 Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahumullah adalah guru kepada Imam Bukhari dan Muslim dalam bidang
- 31 Di kalangan ahli hadis Imam Bukhari mendapat gelaran yang sama seperti gelaran Saidina Umar al-Khattab di kalangan sahabat iaitu



- 32 S dalam rajah di atas ialah

- 33 Ibnu Khaldun merupakan tokoh dalam bidang
- 34 Antara syarat-syarat suami yang melakukan zihar ialah baligh, berakal, sah talak dan



- 35 T dalam rajah di atas ialah

Jenis haji	Huraian
Ifrad	Mengerjakan haji terlebih dahulu pada bulan haji kemudian diikuti dengan mengerjakan umrah pada tahun yang sama.
U	Mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji diikuti dengan mengerjakan haji pada tahun yang sama.

- 36 Maklumat di atas adalah tentang cara-cara mengerjakan haji.

U dalam rajah di atas ialah

V	- Menyembelih seekor kambing <i>Jika tidak mampu</i> - Puasa 10 hari (3 hari di mekah 7 hari di tempat sendiri)
---	--

- 37 V dalam pernyataan di atas merujuk kepada dam

- 38 Khuluk ialah perceraian antara suami dan isteri yang dikaitkan dengan

- 39 Khalifah terakhir dalam pemerintahan khulafa' al-Rasyidin ialah

Harta yang diperolehi daripada orang bukan Islam melalui peperangan

- 40 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

Bahagian B
[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja daripada bahagian ini

Soalan 1 dan Soalan 2 wajib dijawab. Pilih satu sahaja daripada Soalan 3 atau Soalan 4.

- (a) Khurafat termasuk dalam perbuatan yang membatalkan iman
- (i) Nyatakan dua contoh khurafat yang masih diamalkan dalam masyarakat Islam [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua langkah pihak berwajib bagi mengatasi perbuatan khurafat. [4 markah]

- (b) يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا : (سورة النحر : 8)

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah SWT dengan taubat nasuha"

- (i) Bilakah seseorang itu diwajibkan bertaubat? [2 markah]
- (ii) Jelaskan usaha yang boleh anda lakukan kepada rakan yang sentiasa melakukan kemungkaran. [2 markah]

- (c) Ajaran Taslim adalah ajaran sesat yang paling tua di Malaysia.

- (i) Nyatakan pengasas ajaran Taslim. [2 markah]
- (ii) Jelas dua ciri kesesatan ajaran tersebut. [4 markah]
- (iii) Jelaskan akibat mengamalkan ajaran sesat terhadap individu [2 markah]
- (iv) Jelaskan perbezaan pandangan ajaran Taslim dengan Bahai terhadap alam [2 markah]

- (a) (i) Apakah maksud sembelihan? [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua perkara yang makruh semasa sembelihan. [4 markah]
- (iii) Jelaskan satu daripada sunat-sunat korban. [2 markah]
- (iv) Jelaskan perbezaan antara sembelihan dengan korban dari aspek daging. [2 markah]

- (b) (i) Nyatakan dua rukun lian. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kesan lian terhadap suami [2 markah]

- (c) Anak adalah amanah Allah SWT kepada setiap ibu bapa.

- (i) Jelaskan peraturan mengambil anak angkat dari aspek batas pergaulan. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua hikmah dilarang menasabkan anak angkat kepada bapa angkat. [4 markah]

- 3 (a) (i) Jelaskan **dua** sumbangan khalifah Uthman bin Affan [4 markah]
- (ii) Jelaskan kesan positif daripada kepimpinan khulafa' al-Rasyidin. [2 markah]

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">▪ HAMKA▪ As Sayyid Jamaluddin Al-Afghani |
|---|

- (b) Pilih **satu** tokoh di atas dan jawab soalan berikut

- (i) Jelaskan **dua** sifat peribadi tokoh tersebut [4 markah]
- (ii) Terangkan kesan pemikiran tokoh tersebut terhadap masyarakat [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan **empat** adab ketika menziarahi jenazah. [4 markah]
- (ii)

Seorang rakan anda telah membuat bising semasa menziarahi jenazah jirannya.

Jelaskan **dua** tindakan yang perlu anda lakukan untuk menangani keadaan tersebut. [4 markah]

- 4 (a) (i) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan tamadun Islam pada zaman kerajaan bani Abbasiyah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan kepentingan mempelajari kemerosotan tamadun Islam pada zaman kerajaan Abbasiyah. [2 markah]

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">▪ Imam Ahmad bin Hanbal▪ Imam Bukhari |
|--|

- (b) Pilih **satu** tokoh di atas dan jawab soalan berikut

- (i) Jelaskan **dua** sifat peribadi tokoh tersebut. [4 markah]
- (ii) Terangkan bukti kesungguhan ketelitian tokoh tersebut terhadap hadis. [2 markah]

- (c) (i) Nyatakan **empat** punca berlakunya pencemaran udara. [4 markah]

- (ii)

Penduduk sebuah taman perumahan telah menjadikan longkang besar sebagai tempat pembuangan sampah sarap
--

Jelaskan **dua** usaha yang boleh anda lakukan bagi mengatasi masalah tersebut. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT